

Dagangan : BOTANICAL BEVERAGES

Nama Perdagangan : Beyonde™ Maqui Plus
- Botanical Beverage Mix with
Red Grape & Mixed Berries

Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) :

2202.90 100 (PDK 2012)

2202.99.50 00 (PDK 2017)

Tarikh Kelulusan : 07 Mac 2017

Keterangan barangan :

Barangan dalam bentuk cecair yang di pek dalam botol berukuran 750ml dengan label *BEYONDE™ Maqui Plus+ - botanical beverages drinks mix with red grape & mixed berry* untuk jualan secara runcit. Formulasi barangan sebagaimana yang dikemukakan oleh pemohon adalah seperti berikut :

Ingredient Name	Content in 25 ml		Calculated as %
Active Ingredient			
<i>Maqui Berry Powder</i>	134.5	mg	0.5
<i>Grape Seed</i>	9.0	mg	0.03332
<i>Artichoke Leaf Extract</i>	53.8	mg	0.2
<i>Lycium Extract Powder</i>	53.8	mg	0.2
<i>Acai Berry Extract Powder</i>	0.9	mg	0.00332
<i>Acerola Extract (25% Vit. C)</i>	0.9	mg	0.00332
Inactive Ingredient			
<i>Raspberry Powder (Dried Juice Powder)</i>	0.9	mg	0.00332
<i>Chokeberry Juice (Concentrate Juice)</i>	1345	mg	5.0
<i>Red Grape Juice (Concentrate Juice)</i>	2690	mg	10.0
<i>Mixberry Juice (Concentrate Juice)</i>	896.66	mg	3.33332
<i>Cranberry Juice (Concentrate Juice)</i>	896.66	mg	3.33332
<i>Fructose</i>	2241.66	mg	8.33332
<i>Pectin</i>	121	mg	0.45
<i>Sodium Benzoate</i>	9.42	mg	0.035
Water	18445.8	mg	68.57176
<i>Total</i>	26.9	g	

Bar barangan adalah seperti di bawah.



Berdasarkan formulasi di atas, barangan mengandungi 68.57% air dan tiada sebarang vitamin yang ditambah dalam barangan. Kandungan aktif dalam barangan ini kurang daripada 20% dan ia tidak dikelaskan sebagai produk ubat oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK)

Maklumat yang dicetak pada kotak pembungkusan adalah seperti berikut :

- (i) Maqui Plus+ *Botanical beverage mix with red grape & mixed berries*
- (ii) Maqui Plus+ *is a multi-fruits and berries concentrate with Anthocyanins, the nature gift of goodness from fruits consisting of maqui berry, artichoke, goji berry, acai berry, acerola cherry, grape seed extract, red grape, chokeberry, cranberry raspberry apple, strawberry and cherry.*
- (iii) *Nutrition Information :*

<i>Serving Size</i>			25 ml	
<i>Servings Per Container</i>			30	
Per Serving	25	ml	Per	100
<i>Total Energy</i>	20	kcal	80	kcal
Carbohydrate	5	g	20	g
<i>Sugar</i>	3	g	12	g
<i>Protein</i>	0	g	0	g
<i>Sodium</i>	5	g	20	g
<i>Fat</i>	0	g	0	g

- (iv) *Recommended Usage: Drink 1 shot (25ml) twice daily. Morning & evening.*

Barangan dikatakan sebagai minuman antioksidan yang amat berkasiat (*the most powerful antioxidant Drink*), untuk meningkatkan kesihatan dan kecantikan serta mempunyai kesan kebaikan ke atas hati. Barangan boleh diminum terus tanpa perlu dicampur (*dilute*) dengan air. Cadangan pengambilannya ialah sebanyak 25ml, dua kali sehari.

Ketetapan

Ketua Pengarah Kastam memutuskan berpendapat barangan tersebut sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif tarif **2202.90 100 (PDK 2012) / 2202.99.50 00 (PDK 2017)** sebagai **non-aerated beverages ready for consumption without dilution** berdasarkan alasan-alasan berikut:

1. Berdasarkan formulasinya, barangan mengandungi 21.66% *concentrate juice* dari pelbagai buah berry dan red grape, 0.71% *extract powder* dari buah berry, 0.03% *extract grape seeds*, 0.20% *artichoke leaf extract powder* dan 68.57% air. Tiada sebarang vitamin yang ditambah ke dalam barangan.
2. Kandungan bahan aktif dalam barangan kurang daripada 20% dan ia tidak dikelaskan sebagai produk ubat seperti yang disahkan oleh BPFK.
3. Hasil analisis pakar mengesahkan barangan mengandungi air, 22.5% bahan tidak meruap yang kebanyakannya terdiri dari bahan tumbuhan, gula (*fructose* dan *glucose*) dan 1.6% bahan inorganik (yang kebanyakannya terdiri dari sebatian kalium, kalsium, sodium dan fosfat).

4. Mengikut maklumat pada risalah yang dikemukakan, cadangan pengambilan barangan ini sebanyak 25ml, dua kali sehari bertujuan untuk meningkatkan kesihatan dan kecantikan dan mempunyai kesan kebaikan ke atas hati.
5. Berdasarkan kandungannya, barangan tidak sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 2106.90 800 sebagai *food supplement* kerana ia tidak menepati kriteria sebagai *food supplement* selaras dengan keterangan mengenai maksud *food supplement* di para (16) EN HS 2012 mukasurat IV-2106-1 dan IV-2106-3 seperti berikut:

Provided that they are not covered by any other heading of the Nomenclature, this heading covers

(16) *Preparation often referred to as food supplements, based on extracts from plants, fruit concentrates, honey, fructose, etc., and containing added vitamins and sometimes minute quantities of iron compounds. These preparations are often put up in packagings with indication that they maintain general health or well-being. Similar preparations, however, intended for prevention or treatment of diseases or ailments are excluded (heading 30.03 or 30.04).*

.....

Merujuk kepada para (16) di atas, barangan perlu memenuhi 4 syarat untuk membolehkannya dipenjeniskan sebagai *food supplement* iaitu :

- i. ***Preparation***, often referred to as food supplements;
- ii. ***Based on extracts from plants, fruit concentrates***, honey, fructose, etc., and;
- iii. ***Containing added vitamins*** and sometimes minute quantities of iron compounds.
- iv. ***These preparations are often put up in packagings with indications that they maintain general health or well being.***

Berdasarkan kepada keterangan di atas, serta merujuk kepada keputusan Rayuan Tribunal No. TRK (K) 4-2016, bagi sesuatu *food preparation* untuk dirujuk sebagai '*food supplement*', '*food preparation*' tersebut perlu mengandungi '*extracts from plants, fruit concentrates, honey, fructose, etc.*', sebagai bahan asas **dan mengandungi vitamin sebagai bahan tambahan.**

Merujuk kepada barangan ini, maklumat pada label pembungkusannya juga tidak menyatakan barangan sebagai *food supplement*.

6. Barangan juga tidak sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif 2106.90 990 sebagai *other food preparation*. Walaupun barangan adalah sejenis *preparation berasaskan buah beri dan sayuran*, ia adalah *ready to drink*, bukannya *preparations for used in the making of beverages for human consumption*.
7. Walaupun terdapat catatan pada label pembungkusannya dengan perkataan "*Recommended Usage: Drink 1 shot (25ml) twice daily. Morning & evening*", dan boleh dianggap sebagai *dosage limitation*, ia adalah tidak *significant* kerana barangan bukan *food supplement* atau ubat. Barangan ini boleh diambil lebih daripada *recommended usage* dan tidak akan mendatangkan kesan buruk. Cadangan pengambilan sebanyak 50ml sehari (pagi dan malam) adalah untuk membekalkan antioksidan yang mencukupi terutama bagi individu yang tidak dapat melengkapkan pengambilan buah-buahan dan sayuran seperti saranan Kementerian Kesihatan seperti yang dijelaskan oleh syarikat.

8. Barangan bukan *fruit juice* yang sesuai di bawah kod tarif 2009.90 910 sebagai *mixture of juices; ready for consumption*. Ia dihasilkan daripada campuran *concentrate juice/extract powder* dari pelbagai buah berry dan red grape, *extract grape seeds* dan *artichoke leaf* di mana ia tidak menepati definisi sebagai jus buah seperti dijelaskan dalam Peraturan 235, Peraturan Makanan 1985. Berdasarkan Peraturan 235, jus buah hendaklah dihasilkan daripada perahan **buah** (daripada satu atau beberapa campuran spesis buah-buahan) sesuatu tumbuhan. Barangan ini dihasilkan daripada **campuran buah dan bahagian lain tumbuhan (biji dan daun)**. Oleh itu, ia bukan sejenis jus buah.
9. Label pembungkusannya telah dengan jelas *describes the product as a Botanical Beverages* yang mendapat liputan secara spesifik di bawah *Chapter 22* dalam EN HS 2012 muka surat IV-22-1, iaitu:-

EN HS 2012 m/s IV-22-1

GENERAL

The products of this Chapter constitute a group quite distinct from the foodstuffs covered by the preceding Chapters of the Nomenclature.

They fall into four main groups :

- (A) **Water and other non-alcoholic beverages and ice**
- (B) *Fermented alcoholic beverages (beer, wine, cider, etc).*
- (C) *Distilled alcoholic liquids and beverages (liqueurs, spirits, etc) and ethyl alcohol*
- (D) *Vinegar and substitutes for vinegar.*

10. Barangan adalah campuran *concentrate juice* dan *extract powder* dari pelbagai buah berry, sayuran dan biji buah anggur. Oleh itu, barangan memenuhi tafsiran sebagai minuman botani berdasarkan Peraturan 356, Akta Makanan 1983 (Peraturan-Peraturan Makanan 1985).
11. Berdasarkan keterangan dan fakta di atas, barangan adalah lebih sesuai diperjeniskan di bawah kepala 22.02 yang mendapat liputan di dalam HS EN 2012 muka surat IV-2202-1 seperti berikut:

2202 - Waters, including mineral waters and aerated waters, containing added sugar or other sweetening matter or flavoured, and other non-alcoholic beverages, not including fruit or vegetable juices of heading 20.09.

2202.10 - *Waters, including mineral waters and aerated waters. Containing added sugar or other sweetening matter or flavoured, and other non-alcoholic beverages, not including fruit or vegetable juices of heading 20.09*

2202.90 - Other

This heading covers non-alcoholic beverages, as defined in Note 3 to this Chapter, not classified under other headings, particularly heading 20.09 or 22.01.

- (A) *Waters, including mineral waters and aerated waters, containing added sugar or other sweetening matter or flavoured.*
- (B) **Other non-alcoholic beverages, not including fruit or vegetable juices of heading 20.09.**

This group includes, inter alia :

- (1) **Tamarind nectar rendered ready for consumption as beverage** by the addition of water and sugar and straining.

Certain other beverages ready for consumption, such as those with a basis of milk and cocoa.